

Assalamualaikum Wbr dan Salam Sejahtera

Bismillahirrahmanirrahim,

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir bagi meraikan **Sambutan Hari Guru** di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar pada pagi ini.
2. Kepada semua guru sama ada yang berada dalam dewan ini atau menyertai sambutan dari kejauhan secara maya, saya mendoakan saudara dan saudari semua sentiasa dikurniakan kesihatan, dilimpahkan keberkatan dan kekuatan dalam memikul amanah mendidik anak bangsa.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Dr. Mohd Suhaimi atas pengurniaan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) sempena Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak pada tahun ini.
4. Sesungguhnya penganugerahan yang diterima bukan sahaja suatu pengiktirafan atas jasa bakti beliau dalam bidang pendidikan, tetapi juga merupakan penghormatan kepada perjuangan murni seluruh warga pendidik dalam membangunkan anak bangsa.

Guru-guru yang dihormati sekalian,

5. Biasanya, pada tanggal 16 Mei setiap tahun, semua warga pendidik akan meraikan sambutan Hari Guru sama ada di peringkat sekolah, negeri atau kebangsaan. Sudah tentulah, kemeriahannya Hari Guru begitu dirasai di sekolah-sekolah. Anak-anak murid atau pelajar kita meraikannya dengan bermacam cara.
6. Ada yang membuat kejutan. Ada yang membuat persembahan. Ada yang berpakat membawa juadah untuk dikongsi bersama guru. Ada yang memberi hadiah dan kad ucapan. Masing-masing ada cara untuk menyampaikan penghargaan atas jasa bakti yang dicurahkan oleh para guru.
7. Namun, seperti tahun lalu, sambutan 16 Mei pada tahun ini juga tidak dapat diadakan sebagaimana biasa. Rata-rata murid dan pelajar tidak dapat ke sekolah, manakala acara dan program rasmi juga tidak dibenarkan bagi mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
8. Pun begitu, saya bersyukur kerana sambutan Hari Guru di Perak pada tahun ini tetap dijalankan walaupun sedikit lewat. Saya percaya, walaupun lewat, sambutan yang diadakan hari ini tetap bermakna. Apa pun kekangan yang dihadapi, pengiktirafan dan tanda ingatan terhadap warga guru tetap diteruskan.
9. Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan semua pihak yang bertungkus-lumus sehingga membolehkan sambutan ini berjalan lancar dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Guru-guru yang dikasihi sekalian,

10. Tema Hari Guru pada tahun 2021 **adalah “Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu”**. Jika kita amati betul-betul, tema ini sebenarnya sangat signifikan dengan situasi yang dihadapi warga pendidik sepanjang hampir dua tahun terbelakang ini.
11. Pelaksanaan PKP bagi mengekang COVID-19 dengan sendirinya telah mengubah wajah sistem pendidikan kita. Hampir dua tahun anak-anak hilang hari persekolahan. Peperiksaan terpaksa ditangguhkan. Silibus pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak menentu.
12. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) menjadi norma baharu yang melatari sistem pendidikan. Ia menjadi pengalaman baru bagi warga guru. Ada segelintir daripada guru yang merasakan ia suatu kejanggalan.
13. Bilik darjah bertukar menjadi *Google Classroom*, *Google Docs*, *Google Slides* dan *Google Meet* – istilah-istilah yang agak asing dengan kita sebelum ini. Dengan sekolah ditutup, *Whatsapp*, *Telegram*, *Wechat* dan *Facebook* menjadi platform penghubung antara guru dan anak murid.
14. Justeru, jika kita mengamati tema **“Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu”**, maka kita akan dapat merasai hikmah di sebalik liku-liku dan ujian yang kita tempuh sepanjang hampir dua tahun ini. Semua pengalaman baru ini sebenarnya mendesak pemikiran dan tindakan guru untuk mendalami ilmu-ilmu baru. Untuk memahami

perkara-perkara baru. Untuk berevolusi menerokai pendekatan-pendekatan baru.

15. Kita memasuki dimensi baru alam pendidikan yang begitu berbeza sifatnya. Cabaran-cabaran ini datang bersama hikmah yang lebih mematangkan profesion perguruan. Dengan titipan hikmah-hikmah itu, mudah-mudahan, warga guru akan lebih kuat mendepani cabaran pada hari-hari mendatang, Insya-Allah.

Guru-guru yang dikasihi sekalian,

16. Dengan segala suasana dan pengalaman baru yang saya sebutkan tadi, saya sedar bahawa semuanya tidak mudah. Saya memahami segala macam dilema, kekangan dan kesukaran yang yang ditempuh warga guru sepanjang perang melawan COVID-19.
17. Melaksanakan PdPR itu sendiri tidak semudah membuka telefon bimbit dan terus mengajar. Malah, tidak semua murid atau pelajar kita mempunyai komputer atau telefon bimbit. Di sesetengah kawasan, capaian internet tidak begitu baik. Komitmen murid dan ibu bapa juga perlu diambil kira.
18. Sebab itulah, saya bersama Exco pendidikan, YB Ahmad Saidi dan juga Pengarah Pendidikan Negeri, Dr Suhami sentiasa berikhtiar dan mencari jalan untuk membantu guru dan murid dalam menghadapi suasana sukar sepanjang pelaksanaan PKP. Dari situlah jugalah, tercetusnya inisiatif program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS).

19. Antara langkah awal yang kita laksanakan ketika itu ialah menyalurkan peruntukan RM 2.49 juta bagi menyediakan makan tengah hari percuma kepada murid yang menduduki peperiksaan awam.
- Kerajaan negeri juga menyalurkan 20,000 unit telefon pintar secara percuma kepada murid dari keluarga B40 berserta sim kad dilengkapi pelan data, juga secara percuma.
 - Guru dan murid yang berada di kawasan pelaksanaan PKP dan PKPD khususnya di luar bandar juga dibantu dengan menyediakan pelan data serta kelengkapan komputer dan televisyen.
 - Kerajaan negeri juga menyediakan dana bagi membina 20 unit studio di PPD seluruh Perak untuk bantu guru melaksanakan program PdPR.
 - Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Perak juga menyediakan video-video interaktif bagi membantu guru KAFA menjalankan PdPR.
20. Begitu jugalah kerjasama yang kita jalin dengan GLC-GLC negeri, syarikat swasta dan NGO, dengan mewujudkan program-program khusus untuk membantu meringankan beban guru dan murid sepanjang menghadapi waktu-waktu sukar sepanjang pandemik COVID-19.

21. Pun begitu, saya sedar bahawa bantuan-bantuan ini tidak dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi guru-guru. Saya juga sedar, segala inisiatif yang kita laksanakan ini mungkin ada kelomongan atau kekurangan di sana sini.
22. Tetapi percayalah, saya dan rakan-rakan dalam kerajaan negeri tidak akan berhenti mencari jalan untuk kita membela nasib guru dan pelajar kita. Saya dan rakan-rakan tidak akan berhenti mencari jalan untuk sentiasa melakukan penambahbaikan.
23. Baru-baru ini, sempena program Menteri Besar Bersama Rakyat atau MESRA yang diadakan di Lubok Merbau, saya berkesempatan bertemu dengan rakan-rakan guru dalam satu sesi *townhall*. Kami berdialog, kami berkongsi idea dan buah fikiran, melontarkan kritikan dan teguran. Semuanya dengan satu niat – untuk memperkasakan lagi mutu pendidikan anak-anak kita.
24. Insya-Allah, sesi *townhall* itu akan kita akan teruskan pada masa-masa akan datang. Sebagai Menteri Besar, saya perlukan input dari setiap lapisan rakyat terutamanya dalam kita merangka Pelan Strategik Perak Sejahtera 2030. Golongan guru tidak terkecuali.
25. Pandangan dan buah fikiran warga pendidik penting kerana apa juga perancangan kita pada hari ini akan mencerminkan wajah negeri yang akan kita wariskan kepada anak-anak cucu cicit kita nanti.

Guru-guru yang dikasihi sekalian,

26. Tema hari guru tahun ini juga menyentuh peranan guru dalam memperkasa keilmuan dan profesionalisme. Mengambil kira cabaran-cabaran yang sedang kita hadapi hari ini, elemen keilmuan dan profesionalisme guru menjadi semakin penting.
27. Guru merupakan insan yang sentiasa dahagakan ilmu dan tidak jemu melengkapkan dirinya dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan nilai, sejajar dengan prinsip pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning*. Saya percaya, dengan pelbagai macam dugaan dan cabaran yang ditempuh, guru akan lebih bersedia menerima dan mengadaptasi perubahan dalam melaksanakan tugas.
28. Malah, pendidikan digital yang menjadi tumpuan kita pada hari ini adalah selari dengan anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dalam melaksanakan e-pembelajaran, iaitu pengajaran berteraskan ICT. Antara hasrat yang digariskan ialah peranan guru dalam mengadaptasi kandungan pedagogi berdasarkan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
29. Saya sebutkan perkara ini untuk kita sama-sama mencari kearifan betapa COVID-19 bukan sekadar menguji ketabahan dan kecekalan warga pendidik, tetapi mengasak kita untuk mengorak langkah lebih pantas ke hadapan bagi mencapai hasrat seperti yang digariskan.
30. COVID-19 juga mengasak guru-guru untuk sentiasa membuat “self assessment” terhadap keberkesanan sesi pengajaran atau perkara

berkaitan dengan pencapaian akademik, kokurikulum dan sahsiah murid.

Guru-guru yang dikasihi sekalian,

31. Secara peribadi, sambutan Hari Guru hari ini agak istimewa bagi diri saya. Saya katakan ia istimewa kerana sebagai seorang bekas pendidik, ini adalah sambutan Hari Guru pertama yang saya hadir dan rasmikan sebagai seorang Menteri Besar.
32. Saya bekas pendidik, dan saya juga bekas murid dan pelajar. Saya masih ingat sewaktu saya belajar dahulu, guru-guru sangat berdedikasi. Walaupun mereka begitu tegas dalam mendidik, tetapi dalam ketegasan itu tetap disirami dengan rasa kasih dan sayang.
33. Datang dari keluarga yang susah ketika itu, saya benar-benar dapat merasai keikhlasan dan melihat sendiri penat lelah, susah payah mereka memberi didikan. Dalam apa juu keadaan – susah atau senang – mereka sentiasa mahukan yang terbaik untuk anak-anak murid.
34. Zaman terus berubah. Dunia pendidikan juga terus berubah mengikut zaman. Suasana alam persekolahan juga sudah jauh berubah. Namun, seperkara yang tidak pernah berubah ialah naluri setiap guru yang sentiasa mahu melihat kejayaan anak-anak murid dan pelajarnya.

35. Sebab itu saya amat bersyukur. Saya menjadi guru sebelum ini, berkat hasil didikan mereka. Saya berada di sini hari ini juga, berkat hasil didikan dan asuhan mereka.
36. Begitu besarnya pengaruh guru dalam hidup saya, sehingga ramai yang melihat sifat, tingkah dan perwatakan saya tetap bak seorang guru, dari dahulu sehingga hari ini. Benarlah kata orang, **“sekali menjadi guru, selamanya tetap guru”**.
37. Sempena sambutan yang cukup istimewa dan bermakna pada hari ini, dengan kerendahan hati, saya Cikgu Saarani Mohamad mengucapkan **“Selamat Hari Guru”** kepada semua guru, sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara, di bandar atau luar bandar, di kota atau pun desa.
38. Sama ada anda guru di SMK Bersia dan SK Ganda Temengor yang terpencil di Hulu Perak, atau guru SMK Ulu Bernam dan SJKT Ladang Sg Samak yang terletak jauh di Bagan Datoh. Sama ada anda guru di SK Seri Pangkor di Pulau Pangkor atau mengajar anak-anak Orang Asli di SK Pos Musoh, SK RPS Kemar dan SK Pos Tenau – tidak kira di mana juga anda berada – saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **“Terima Kasih Cikgu”**
39. Terima kasih atas segala jerih perih, perjuangan dan pengorbanan dalam mengharungi liku dan ranjau mendidik anak bangsa. Terima kasih kerana tidak pernah jemu menjadi dian yang menyuluhi kehidupan, menjadi lilin membakar diri demi generasi pewaris masa hadapan.

40. Tahniah saya ucapkan kepada semua tokoh-tokoh guru yang akan menerima anugerah sempena sambutan Hari Guru pada tahun ini. Semoga menjadi pembakar semangat kepada semua warga pendidik untuk terus menabur jasa dan bakti demi meningkatkan lagi mutu pendidikan anak-anak kita.
41. Meskipun berat ujian yang bakal ditempuh pada hari-hari mendatang ini, saya selalu mendoakan agar saudara dan saudari warga guru sekalian akan sentiasa dilimpahi keberkatan, diberi kekuatan dan keazaman dalam memikul amanah.
42. Mudah-mudahan, segala jasa dan pengorbanan yang dicurahkan para guru akan mendapat sebaik-baik ganjaran daripada Allah SWT dengan imbalan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
43. Dengan iringan doa itu, saya dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, sukacitanya merasmikan **Majlis Sambutan Hari Guru Negeri Perak Tahun 2021**.

Sekian, Wabillahi taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.